

Perangkap sindiket global

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
(WARTAWAN UTUSAN)

SATU persatu pendedahan mengenai rakyat negara ini yang menjadi mangsa sindiket penyeludupan dadah antarabangsa menimbulkan kebimbangan yang bukan sedikit di kalangan orang ramai terutamanya ibu bapa.

Dengan kira-kira 150 orang rakyat tempatan yang dilaporkan dipenjarakan di luar negara kerana kesalahan cuba menyeludup dadah, jumlah yang sangat tinggi itu memerlukan perhatian segera semua pihak.

Bagi kerajaan terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM), pelbagai langkah sudah diambil antaranya meningkatkan kerjasama dengan jaringan polis antarabangsa Interpol bertujuan mengesan dalang sindiket itu yang beroperasi di negara ini.

Malah, Menteri Luar, Datuk Seri Dr. Rais Yatim dalam reaksi segera turut mencadangkan wanita berusia 21 tahun ke bawah yang mahu ke luar negara bersendirian perlu mendapatkan perakuan bertulis daripada keluarga.

Cadangan itu walaupun tidak mendapat maklum balas positif daripada pelbagai pihak yang beranggapan ia mustahil untuk dilaksanakan, namun jelas membayangkan betapa satu mekanisme yang menyeluruh dan berkesan perlu dilaksanakan bagi mengelakkan lebih ramai rakyat tempatan menjadi mangsa.

Biarpun hakikat yang perlu disedari bahawa kebanyakan yang menjadi mangsa adalah kerana kesilapan sendiri yang mudah terpengaruh dengan janji kemewahan dan keseronokan, namun mereka juga memerlukan pembelaan

di Johor, baru-baru ini,

Melihat kepada jumlah rakyat tempatan yang menjadi mangsa, penganalisis jenayah, Kamal Affandi Hashim berkata, rakyat tempatan yang di penjara di luar negara ketika ini terbahagi kepada dua kategori iaitu mereka yang terbabit secara langsung dengan sindiket dadah antarabangsa serta mereka yang diperangkap.

Bagaimanapun, rasa simpati pastinya menggunung kepada mangsa yang diperangkap dan diperdaya di sebalik tawaran kerja palsu atau hadiah peraduan tertentu yang menawarkan pakej pelancongan ke luar negara oleh sindiket berkenaan.

Menurut Kamal Affandi, dalam kebanyakan kes yang menimpa rakyat negara ini, mangsa sebenarnya tidak menyedari mereka diperangkap dan dijadikan 'kambing hitam' oleh sindiket itu menerusi modus operandi yang disebut eksport selari.

Menerusi taktik itu, sindiket sebenarnya cuba menutup cubaan menyeludup dadah lain yang lebih besar nilainya dengan mengalih perhatian pihak berkuasa terhadap dadah yang dibawa oleh rakyat tempatan.

Malah, diyakini dalang sindiket itu sendiri yang membuat laporan kepada pihak berkuasa tempatan mengenai dadah yang dibawa oleh rakyat negara ini bagi membolehkan mereka meloloskan diri dengan mudah.

"Bagi sindiket ini, kerugian beberapa ribu ringgit daripada dadah yang cuba diseludup oleh mangsa mereka bukanlah satu masalah kerana dalam masa yang sama, sindiket itu berjaya membawa keluar dadah yang bernilai ratusan ribu ringgit," katanya.

Menerusi taktik itu, sindiket sebenarnya cuba menutup cubaan menyeludup dadah lain yang lebih besar nilainya dengan mengalih perhatian pihak berkuasa terhadap dadah yang dibawa oleh rakyat tempatan



RAMPASAN dadah bernilai jutaan ringgit menunjukkan negara ini dan rakyat tempatan menjadi antara sasaran sindiket penyeludupan dadah antarabangsa sebagai transit.

kerana jelas diperdaya dan diperangkap oleh sindiket tersebut.

Lebih membimbangkan, dalang sindiket itu bukan sahaja warga asing seperti yang disangka oleh banyak pihak sebelum ini, malah terdapat juga rakyat tempatan yang sanggup memeralatkan bangsa sendiri untuk kepentingan peribadi.

Justeru pastinya sukar untuk sesiapa sahaja menolak tawaran pekerjaan dengan gaji lumayan atau hadiah pakej pelancongan ke luar negara terutamanya yang ditawarkan oleh rakyat tempatan sendiri.

Luasnya operasi sindiket antarabangsa itu juga menyebabkan dalang mereka sukar dijejaki. Diyakini sindiket itu mempunyai rangkaian di kebanyakan negara di seluruh dunia dengan dalang mereka berada di negara-negara yang dijadikan transit dan zon eksport.

Malah, Malaysia sendiri pernah menjadi sasaran sebagai negara transit dadah oleh sindiket tersebut, namun berjaya dipatahkan oleh pihak berkuasa seperti yang berlaku dalam dua rampasan dadah bernilai hampir RM100 juta

Janji

Kamal Affandi menambah, meskipun operasi sindiket itu bergerak dengan licik dan sukar dikesan, namun ia boleh dipatahkan sekiranya orang ramai tidak mudah terdorong dengan janji kemewahan dan kesenangan daripada pihak tertentu.

Daripada pendedahan mangsamangsa ujar beliau, sindiket itu mengumpukan orang ramai dengan tawaran hadiah dan pekerjaan bergaji lumayan yang sebenarnya tidak logik dan sukar untuk dipercayai.

"Sebagai contoh kerja menghantar serbuk emas ke negara-negara tertentu yang menjadi salah satu perangkap sindiket ini, bukannya lebih murah sekiranya bahan seberat 100-200 gram itu dihantar secara pos berbanding mengupah seorang pekerja?"

"Perkara-perkara sebeginilah yang menuntut orang ramai untuk memikirkannya secara waras seterusnya mengelak daripada menjadi mangsa sindiket tersebut," ujarnya.

Kamal Affandi menambah, orang ramai yang ditawarkan pekerjaan atau hadiah yang memerlukan mereka ke luar negara juga seharusnya merujuk kepada Jabatan Sumber Manusia atau sumber lain termasuk media bagi memastikan kesahihannya.

Malah, orang ramai juga digalakkan melaporkan perjalanan ke luar negara kepada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik sebagai rekod dan memudahkan siasatan sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini terutamanya diperangkap oleh sindiket dadah antarabangsa tersebut.

Sementara itu, perunding psikologi, Khairol Anuar Masuan berkata, rakyat negara ini menjadi sasaran sindiket dadah antarabangsa kerana sikap masyarakat kita yang mudah terpedaya dengan tawaran lumayan dan menerimanya tanpa berfikir panjang.

Sedangkan, terdapat tawaran itu yang sebenarnya terlalu istimewa dan sukar untuk dipercayai seperti hadiah pelancongan ke luar negara yang ditaja sepenuhnya oleh pihak-pihak tertentu.

"Secara psikologinya, kita mudah tertarik dengan tawaran-tawaran yang tidak mungkin dikecapi dengan mudah atau dalam masa yang singkat. Seharusnya apabila menerima tawaran sebegini, kita perlu lebih berhati-hati dan berwaspada bagi mengelak di tipu," katanya.

Beliau menambah, sindiket dadah antarabangsa itu juga sudah sedia maklum mengenai hukuman berat termasuk mati mandatori ke atas rakyat asing yang cuba menyeludup dadah ke negara ini.

Justeru katanya, cara terbaik untuk menjadikan negara ini sebagai pangkalan atau transit dadah adalah dengan menjadikan rakyat tempatan sebagai mangsa.

Dalam usaha menyeluruh membanteras sindiket itu pula beliau menambah, antara langkah yang boleh diambil adalah dengan mengangkat isu tersebut sebagai isu perdana oleh media cetak dan media elektronik sekali gus memberikan peringatan kepada orang ramai dengan lebih berkesan.